

Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih Di Pusat Perlindungan Terpilih

Moral Recovery Program for Problematic Teenagers: A Study on Occupants' Experiences in Selected Shelters.

Nurul Husna Mansor¹, Khairul Hamimah Mohamad. Jodi²

Terima	Wasiat	Muat Naik e-Jurnal
11 NOVEMBER 2020	21 NOVEMBER 2020	30 NOVEMBER 2020

ABSTRAK

Pusat perlindungan seringkali digambarkan oleh masyarakat dengan suatu tafsiran yang negatif memandangkan dihuni oleh sejumlah pesalah akhlak dan moral. Namun, kajian menunjukkan pusat perlindungan menjalankan program pemulihan akhlak remaja dengan menggunakan pelbagai pendekatan yang memberikan pengalaman baharu kepada pelatihnya. Artikel ini akan meneroka dan menganalisis pengalaman yang dilalui oleh pelatih sepanjang menjalani program pemulihan akhlak di pusat perlindungan terpilih. Kajian kualitatif ini menggunakan dua teknik pengumpulan data iaitu temu bual dan pemerhatian. Sebanyak empat (4) orang informan telah dipilih dari dua pusat perlindungan iaitu Baitul Ehsan dan Kompleks Dar Assaadah. Informan yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan telah ditemu bual berpandukan soalan yang dibina secara separa berstruktur. Soalan temu bual dibahagikan kepada empat tema iaitu kerohanian, emosi, intelek dan akhlak yang diukur berdasarkan tiga indikator utama dalam proses pemulihan iaitu penanaman, pengukuhan dan penghayatan. Kajian mendapati proses pemulihan di kedua-dua institusi telah memberikan pelbagai pengalaman positif kepada pelatih ke arah menjadi manusia yang lebih baik dalam konteks pembangunan kerohanian, emosi, intelek dan akhlak.

Kata kunci: Pengalaman, Kerohanian, Emosi, Intelek, Pemulihan, Akhlak

ABSTRACT

Shelters are often described by society with a negative interpretation given that they are inhabited by moral and ethical offenders. However, studies show that shelters for juvenile in moral rehabilitation programs using a variety of approaches that provide new experiences to their residents. This article will explore and analyze the experiences of the juvenile during the moral rehabilitation program at selected shelters. This qualitative study uses two data collection techniques interview and observation. A total of four (4) informants were selected from two shelters, Baitul Ehsan and Kompleks Dar Assaadah. Informants are selected using the purposive sampling method were interviewed based on semi-structured questions. The interview questions are divided into four themes; spirituality, emotions, intellect and morals which are measured based on three main indicators in the recovery process that are cultivation, strengthening and appreciation. The study found that the process of recovery in both institutions has provided various positive experiences to the juvenile towards becoming better human beings in the context of spiritual, emotional, intellectual and moral development.

Keywords: Experience, Spirituality, Emotion, Intelligence, Rehabilitation, Akhlak

¹ Nurul Husna Mansor, PhD, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, nurulhusna@um.edu.my

² Khairul Hamimah Mohamad Jodi, PhD, Kluster Pendidikan dan Sains Sosial, Open University, Malaysia, khairul_hamimah@oum.edu.my

Pendahuluan

Istilah pemulihan tidak dinyatakan secara khusus di dalam al-Quran. Namun, jika dirujuk dalam bahasa Arab perkataan *Islah* yang paling dekat yang menggambarkan tentang maksud pemulihan iaitu memperbaiki (kerusakan), memulihkan atau menghilangkan permusuhan dan perpecahan dalam kalangan manusia atau mengindahkan sesuatu perkara (Al-Nahwiy A, 1991). *Islah* berlawanan kepada kerosakan (فساد) yang bermaksud membasmi kerosakan atau mendirikan sesuatu yang telah runtuh atau rosak (Ibn Manzur, 1990). Dari perspektif akidah, *islah merujuk* kepada kemampuan membimbing manusia kepada hakikat sebenar kehidupan, manakala menyucikan jiwa, meluruskan keinginan dan memberi manfaat kepada orang lain merupakan maksud *islah* dari perspektif akhlak. Dari sudut ibadah dan kemasyarakatan pula, *islah* bermaksud membimbing manusia kepada kebaikan, menjauhi sifat keji dan perasaan taasub yang boleh membawa kepada perpecahan ummah (Al-Zarqani, 1971). Berdasarkan kepada penjelasan ini, *islah* merupakan perkataan yang tepat bagi menghuraikan maksud pemulihan dalam Islam kerana ia melibatkan proses pemulihan kehidupan manusia secara menyeluruh merangkumi aspek kerohanian, intelek, emosi dan akhlak. Dalam konteks kajian ini konsep pemulihan merujuk kepada pemulihan akhlak dalam kalangan pelatih yang menghuni pusat perlindungan. Proses pengislahan atau pemulihan yang betul khususnya kepada pelatih dilihat akan mampu membangunkan masyarakat seterusnya membina tamadun (Norahida & Mohamad Zaidin, 2017; Muhammad Zaid, 2017).

Pusat perlindungan merupakan institusi yang diwujudkan secara khusus bagi menjalankan usaha pemulihan akhlak. Sejarah penubuhan pusat perlindungan di Malaysia bermula sejak 50 tahun yang lalu, manakala bagi pusat perlindungan bukan kerajaan pula dikenal pasti wujud kira-kira 20 tahun yang lalu (Nor Jana, 2013). Kajian lepas membuktikan bahawa pusat perlindungan berperanan dalam menjalankan program pemulihan akhlak melalui pelbagai pendekatan seperti kelas bimbingan agama, dakwah, kelas vokasional serta bimbingan dan kaunseling (Nurul Husna, 2016; Noor Hafizah & Fakhrul Adabi, 2015; Khairul Hamimah, 2013). Walau bagaimanapun, peranan dan kewujudan pusat perlindungan sering disalah tafsir dan dianggap sebagai salah satu tempat yang hanya didiami oleh individu bermasalah (Nurul Husna, 2016). Kajian mendapati individu yang terlibat dengan masalah sosial berhadapan tekanan termasuk kecelaruan emosi seperti murung, malu, rasa bersalah (Noor Ani et al, 2018; Nor Jana, 2013), takut, sedih dan tertekan (Su Xu Vin et al: 2014; Azmawaty et. al, 2013). Dari aspek sosial, pelaku biasanya akan berhadapan dengan masalah penyisihan sosial di mana masyarakat akan mula memberikan stigma atau label-label yang negatif sehingga menyukarkan mereka untuk mendapat tempat dalam masyarakat termasuk bidang pekerjaan (Siti Hajar et al, 2012). Implikasi yang dinyatakan di atas bukan sahaja menjadikan kehidupan pelaku berada dalam situasi yang lebih sukar dan terasing malah boleh meningkatkan kecenderungan mereka untuk terus hanyut dalam keadaan sedia ada iaitu berterusan melakukan kesilapan. Justeru, artikel ini akan menganalisis dan meneroka pengalaman pelatih sepanjang menjalani proses pemulihan di pusat perlindungan.

Berhubung konsep pemulihan akhlak di dalam Islam, Al-Ghazali (1988) mencadangkan tiga fasa bagi melengkapkan proses pemulihan iaitu fasa penanaman, diikuti fasa pengukuhan dan fasa penghayatan. Fasa penanaman bermaksud proses menyemai dan membiasakan pelaku dengan akidah Islam secara dalam bentuk hafalan perkara-perkara asas dalam agama, penjelasan akidah menggunakan bahasa yang bersesuaian dengan pemikiran serta diyakinkan tentang akidah tersebut dengan mengaitkan tindakan dengan suruhan dan larangan Allah. Seterusnya fasa pengukuhan. Pelaku didedahkan secara komprehensif kelas al-Quran, tafsir, tajwid dan hadis yang bertujuan menambah kefahaman, pengukuhan akidah yang dihubungkan dalam tingkah laku seharian. Selain itu, pelatih dibiasakan bergaul dengan

orang yang baik, guru-guru dan membiasakan mereka dalam persekitaran yang kondusif bagi mengelakkan mereka memikirkan sejarah silam. Pada peringkat ini perlu diperbanyakkan komunikasi berbentuk nasihat, pengajaran yang bertujuan untuk menyokong perubahan yang dilakukan oleh mereka. Peringkat terakhir di fasa 3 ialah penghayatan. Setelah pelaku dapat menghafaz, memahami kandungan ilmu yang dipelajari, mereka diminta menghayati ilmu tersebut dengan mengaitkan dengan pengalaman peribadi. Mengaplikasikan apa yang telah dipelajari sangat ditekankan serta dijamin secara berterusan sehingga menjadi kebiasaan dalam diri pelaku. Pemulihan akhlak dalam Islam turut memberikan tumpuan kepada pembangunan aspek-aspek berikut:

1. Kerohanian:

Pemulihan dalam Islam adalah bertunjangkan kepada asas kerohanian yang terjelma melalui iman yang kuat berdasarkan sabda Nabi S.AW dalam sebuah hadis yang bermaksud: “Mukmin yang paling sempurna imannya ialah orang yang paling baik akhlaknya” (Hadis Riwayat Abu Daud, no. hadis 4682). Iman menjadi syarat utama yang akan melahirkan gaya fikir seseorang individu seterusnya menghasilkan tingkah laku yang bukan sahaja baik malah menolak dan menghakis keluar nilai-nilai negatif yang telah bersarang dalam hati manusia. Hal ini kerana nilai-nilai kebaikan yang terhasil dari keimanan sama sekali tidak akan bersatu dengan keburukan (Al-Mawdudi, 1977). Seseorang Muslim akan meletakkan iman berbanding kepentingan-kepentingan yang lain yang mampu mendorong mereka untuk melakukan pertimbangan antara dosa dan pahala, syurga dan neraka, reda dan mengetahui apa yang dimurkai Allah (Ab. Aziz, 2012). Justeru, seseorang yang mempunyai kekuatan rohani, memiliki keimanan yang mantap dan memiliki kefahaman yang jitu akan memiliki jati diri sebagai umat yang kuat dan tidak dapat digugat oleh sebarang hasutan serta keinginan nafsu yang jahat (Rokiah, 2007).

Pemulihan berpandukan konsep kerohanian Islam turut memberikan tumpuan kepada proses taubat sebagai langkah permulaan untuk pulih dari masalah akhlak. Taubat memberi peluang kepada pesalah mengubah diri menjadi lebih baik, menyucikan diri dan dikasihi Allah (al-Baqarah (2): 222). Taubat merupakan satu kaedah yang disebut sebagai “*tazkiyat al-nafs*” atau penyucian jiwa (Al-Shams 91: 7-10) yang bermula dengan mengosongkan jiwa dari sifat tercela kemudian diisi dengan sifat terpuji (Nabih, 1990). Menurut al-Ghazali (2010), proses pembuangan sifat tercela perlu dilakukan dengan cara memaksa diri melakukan sesuatu yang bertentangan dengan sifat sedia ada. Perubahan bermula dengan memilih rakan yang baik (Nasih ‘Ulwan, 1976) dan beransur-ansur (Al-Qaradawi, 2009). Ketika proses pemulihan, tidak mungkin sifat buruk seseorang dapat diubah secara tiba-tiba. Maka, program pemulihan perlu bermula dengan pembinaan kefahaman dan kepercayaan dalam kalangan sasaran kepada sesuatu asas dalam masalah yang dihadapi. Setelah kefahaman dan kepercayaan terbina, langkah-langkah membuang sifat-sifat buruk dilakukan sedikit demi sedikit secara konsisten dan berterusan supaya akhlak yang baik menjadi kebiasaan (Ab. Aziz et. al, 2020). Pendekatan beransur-ansur turut diterima oleh ahli sosialis Barat, contohnya, James O. Prochaska (2013) melalui Model Perubahan Tingkah Laku yang menjelaskan beberapa peringkat yang harus dilalui oleh individu dalam melakukan proses perubahan sikap. Proses taubat dimanifestasikan dalam pelbagai bentuk ibadah dengan mengikut peraturan yang ditetapkan disebut sebagai syariat (Muhammad Syukri, 2007). Syariat bukan sahaja dimanifestasikan melalui ibadah khusus seperti solat dan puasa malah ibadah umum (Seyyed Hossein Nasr, 1994) yang telah terbukti berfungsi dengan cukup efektif dalam pembentukan akhlak individu (Nurul Husna, 2016; Khairul Hamimah, 2013).

2. Intelek:

Intelek bermula dari minda. Minda merupakan proses yang unik dan dinamik di dalam otak manusia yang terbahagi kepada tiga fungsi iaitu fikir, perasaan dan kemahuan. Daya intelek mampu membantu dalam perubahan tingkah laku individu melalui penjanaannya iaitu menggunakan intelektual dalam otaknya melalui berbagai teknik dan pendekatan untuk menghasilkan satu pilihan dan keputusan terbaik (Ismail Alias, 2006). Melalui minda seseorang boleh mentafsir, menilai, melihat sesuatu, menganalisis, menjelaskan dan menentukan. Ini bermaksud melalui cara berfikir mampu mengubah sikap seseorang membuat keputusan dan membentuk sikap (Ravi, 2015).

Islam mementingkan usaha pembangunan intelek melalui proses pendidikan yang membolehkan individu meningkatkan ilmu pengetahuan lantaran ilmu yang akan memuliakan individu sebagaimana maksud firman-Nya: “..Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat..” (Surah al-Mujadalah (58): 11). Kajian mendapati individu yang terlibat dengan salah laku moral dikaitkan dengan tahap intelektual yang rendah kerana terpacir dari alam persekolahan, mereka tidak terlibat dengan sebarang aktiviti kokurikulum di sekolah, malah terlibat dengan aktiviti tidak terkawal bersama rakan sebaya seperti penyalahgunaan bahan terlarang (Khairani et. al, 2010). Justeru, dalam konteks pemulihan, intelek merujuk kepada kebolehan proses pendidikan yang membantu pelatih mengoptimalkan potensi akal seterusnya mengubah cara berfikir daripada negatif kepada gaya fikir yang lebih positif.

3. Emosi:

Emosi merupakan satu reaksi dalaman yang mampu mempengaruhi pemikiran, perasaan dan tingkah laku individu. Kajian menunjukkan masalah utama yang dialami oleh majoriti remaja bermasalah akhlak ialah gangguan emosi yang mengakibatkan mereka mengalami gangguan tidur yang kronik sehingga menjejaskan perkembangan kognitif mereka (Su Xu Vin et al. 2014). Pelatih yang ditemui di pusat perlindungan akhlak mengakui mengalami pelbagai pergolakan emosi antara perasaan sedih dan takut, rasa tersisih setelah ditempatkan oleh ibu bapa di pusat perlindungan tersebut (Azmawaty et al, 2013), keliru, takut, serta perlu berhadapan dengan persekitaran baru untuk menyesuaikan fizikal diri serta berisiko untuk menghadapi kemurungan (Nor Jana & Fatimah, 2010). Kecelaruhan emosi yang dihadapi oleh mereka menunjukkan bahawa remaja sedang berhadapan dengan masalah dalam perkembangan emosi serta perlu diberikan pertolongan yang sewajarnya sama ada sokongan dari keluarga atau mewujudkan persekitaran yang baik (Nurul Azmi, 2015). Tanpa pengurusan emosi yang baik, mampu membawa pelaku kepada akhlak keji kerana emosi mempunyai hubungan dengan tindakan yang bakal dilakukan.

4. Akhlak:

Akhlak merupakan fitrah, tabiat, agama atau gambaran batin (Ibn Manzur, 1990), keadaan jiwa yang mendorong seseorang melakukan perbuatan secara spontan tanpa memerlukan pertimbangan dan pemikiran (Al-Ghazali, 2003), tabiat, budi pekerti atau perlakuan yang diamalkan oleh manusia sama ada baik ataupun buruk yang mungkin diwarisi sejak lahir atau diperoleh melalui latihan dan kebiasaan (Miskawayh, t.t). Islam mengklasifikasikan akhlak kepada dua iaitu akhlak yang terpuji dan akhlak yang tercela (Al-Midani, 1999). Al-Attas (2002) membahagikan akhlak kepada dua bentuk iaitu i. akhlak keagamaan yang bermaksud akhlak zahir merangkumi amalan-amalan yang dilakukan bagi memenuhi perintah Ilahi, dan ii. Akhlak batin iaitu amalan hati yang diasaskan kepada mengenal Allah dan mengenal diri.

Akhlak mahmudah mampu dibentuk dengan menjadikannya sebagai kebiasaan dalam kehidupan kerana manusia yang mempunyai akal yang mampu mengawal dan memilih menjadi baik atau buruk (Ibn Hazm, 1978; Mohd Nasir & Nur Izzatul Afifah, 2010). Pemulihan akhlak, perlu bermula dengan pengisian hati dengan zikrullah diikuti melakukan ibadah khusus seperti solat, puasa, zikir, hafalan al-Quran dan diiringi doa-doa yang berkaitan dengan kehidupan seharian (Abdul Halim El-Muhammady, 1991). Seterusnya menanam perasaan malu dan takut untuk melakukan perkara yang keji (Nasih 'Ulwan, 1976). Akhlak boleh dipelajari dan berubah-ubah berdasarkan dua faktor iaitu keturunan dan persekitaran (Hasan Langgulung, 1991). Persekitaran merupakan faktor penting yang membantu kesuburan, kecenderungan dan penghayatan nilai-nilai akhlak dalam kehidupan seharian (Abdul Halim El-Muhammady, 1991).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Dua teknik utama dalam pengumpulan data telah diguna pakai iaitu temu bual serta pemerhatian. Sebanyak empat (4) orang informan telah dipilih dari dua institusi pemulihan yang berbeza iaitu Baitul Ehsan dan Kompleks Dar As-Saadah. Semua informan yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan ditemu bual berpandukan soalan yang dibina secara separa berstruktur. Manakala, soalan temu bual dibahagikan kepada empat tema iaitu kerohanian, emosi, intelek dan akhlak yang diukur berdasarkan tiga indikator utama dalam proses pemulihan iaitu penanaman, pengukuhan dan penghayatan.

Dapatan dan Perbincangan

Kompleks Dar Assaadah (KDS) mula beroperasi pada November 1989 di Taman Bukit Anggerik Cheras, Kuala Lumpur dikenali sebagai Pusat Perlindungan Wanita Islam. Pada tahun 1996 sehingga 2008 institusi ini berpindah sebanyak tiga kali bermula di Datuk Keramat, Batu Caves dan terakhir di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur di bawah seliaan Majlis Agama Wilayah Persekutuan (MAWIP) menggunakan nama Dar Saadah. (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2009). KDS menawarkan program rawatan dan pemulihan berdasarkan tiga objektif, i) memberi perlindungan tempat tinggal sementara kepada pelatih kategori wanita, keluarga dan saudara baru, ii) memberi didikan agama dan bimbingan kerohanian kepada pelatih Dar Assaadah, iii) memberi latihan kemahiran vokasional kepada pelatih. Pelatih diwajibkan mengikuti program rawatan dan pemulihan di sini selama dua tahun. Sepanjang tempoh tersebut, Kompleks ini memberi pendidikan berbentuk pembentukan sahsiah sebanyak tiga tahap iaitu tahap pertama, tahap kedua dan tahap ketiga (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, t.t).

Manakala, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan (BES) merupakan sebuah pusat perlindungan wanita yang ditubuhkan di bawah bahagian pemulihan ar-Riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui peruntukan di bawah Seksyen 53 dan Seksyen 54 (2) Enakmen Jenayah Syariah Selangor No. 9 Tahun 1995 (EJSS 2003). BES diwartakan pada 13 September 2001 di daerah Sabak Bernam. Melalui peruntukan yang sama, satu kaedah telah digubal dan telah diluluskan pada 28hb September 2001 melalui Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang membolehkan BES mentadbir, memulihkan, dan memberikan perlindungan kepada golongan wanita yang memerlukan bimbingan di Negeri Selangor (MAIS, 2017). Mempunyai empat objektif penubuhan iaitu; i) melaksanakan kehendak

maksud Seksyen 53 dan 54 (2) Enakmen Jenayah Syariah Selangor No.9 Tahun 1995. ii) memberi perlindungan dan pemulihan kepada wanita dan gadis yang terdedah kepada bahaya moral. iii) memberi latihan dan bimbingan dalam segenap aspek iaitu rohani dan jasmani melalui pendidikan agama dan sosial dan iv) menyediakan kemahiran bersepadu dan kemudahan latihan vokasional. Misi BES ialah memberikan perkhidmatan perlindungan, pemulihan, latihan, bimbingan, kaunseling, kemahiran bersepadu dan kemudahan latihan vokasional yang terbaik kepada kumpulan wanita dan gadis yang terlibat dengan gejala sosial selaras dengan kehendak maksud seksyen 53 dan 54 (2) Enakmen Jenayah Syariah Selangor No.9 (1995). Manakala, visi Baitul Ehsan pula ialah menerapkan amalan-amalan murni bagi membentuk peribadi ummah yang *thiqah* dan solehah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah serta berpegang kepada Motto "Iltizam Membimbing Sahsiah Ummah"(MAIS, 2012).

Jadual 1: Demografi Pelatih

Pelatih	Umur	Institusi	Jenis Kes	Tempoh
Pelatih 1	15	KDS	Lari dari rumah	1 tahun 1 bulan
Pelatih 2	16		Sumbang muhram	1 tahun 3 bulan
Pelatih 3	20	BES	Hamil luar nikah	6 bulan
Pelatih 4	22		Hamil luar nikah	8 bulan

Sumber: Temu bual

Jadual 1 menunjukkan informan yang dipilih terdiri daripada pelatih di KDS dan BES dalam lingkungan umur 15 hingga 22 tahun. Jenis kesalahan yang dilakukan mereka ialah melibatkan seksual dan bukan seksual. Tempoh pelatih berada di KDS melebihi satu tahun dan pelatih yang menghuni BES dalam lingkungan 6 sehingga 8 bulan.

Jadual 2: Program Pemulihan di Baitul Ehsan dan Kompleks Dar As-Saadah

Proses Pemulihan	Indikator	Program Pemulihan di Baitul Ehsan	Program Pemulihan di KDS	Tingkah Laku Sebelum Mengikuti Program Pemulihan di Baitul Ehsan dan KDS	Tingkah Laku Setelah Mengikuti Program Pemulihan di Baitul Ehsan dan KDS
Fasa 1 Penanaman		Pembelajaran Teori dan Amali i. Kelas Pengajian agama (Akidah, Ibadah) ii. Kelas Fardu Ain iii. Solat Fardu iv. Solat Sunat (Dhuha, qiamullail) v. Praktikal solat (Smart Solat) vi. Al-Quran (Kelas Tilawah, Tahsin dan Kelas Hafazan) vii. Bacaan Ma'thurat	Pembelajaran Teori dan Amali i. Kelas Pengajian agama (Akidah, Ibadah, akhlak, tasawuf) ii. Kelas Fardu Ain iii. Solat Fardu iv. Solat Sunat (Dhuha, qiamullail) v. Iqra dan Al-Quran (Kelas Tilawah dan Kelas Hafazan) vi. Bacaan Ma'thurat dan zikir pagi.	<ul style="list-style-type: none"> ● Kurang pengetahuan agama ● Tahu tapi malas ● Malas ibadah ● Meremehkan tuntutan agama ● Tidak tahu perkara asas fardu Ain dan Fardu Kifayah 	<ul style="list-style-type: none"> ● Rajin solat ● Faham fungsi ibadah ● Melaksanakan ibadah tanpa disuruh

Fasa 2 Pengu- han	Kerohanian	<ul style="list-style-type: none"> iii. Bacaan Al-Mulk dan Yasin ix. Kuliah Tafsir x. Tazkirah Zuhur xi. Pengajian Umum 	<ul style="list-style-type: none"> vii. Bacaan Al-Mulk dan Yasin iii. Kuliah Maghrib ix. Tazkirah mingguan dan bulanan 		
	Emosi	<p>Slot Bimbingan dan Kaunseling (Individu dan Kelompok)</p> <p>Amalan nasihat menasihati</p>	<p>Slot Bimbingan dan Kaunseling (Individu)</p> <p>Amalan nasihat menasihati</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak stabil • Memberontak • Mudah marah • Benci orang di sekeliling • Takut dan kecewa dengan diri sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> • Lebih tenang • Optimis • Tahu mengawal emosi • Terima kekurangan dan sejarah lampau
	Intelek	<p>Kelas Pengajian agama dan akademik (formal)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kelas Tambahan ii. Kemudahan bahan bacaan ilmiah ii. Kelas kemahiran (Jahitan, Kraf Tangan, memasak) v. Aktiviti Keusahawanan v. Smart Agro (Pertanian) 	<p>Kelas Pengajian agama dan akademik (formal)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kemudahan bahan bacaan ilmiah ii. Kelas kemahiran (Jahitan, Kraf Tangan, memasak) ii. Aktiviti Keusahawanan v. Aktiviti Keceriaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Tercicir dari alam persekolahan • Mengganggu pendidikan tidak penting, sebaliknya utamakan keseronokan dan hiburan 	<ul style="list-style-type: none"> • Minat belajar makin meningkat • Fokus dalam menuntut ilmu
Fasa 3 Penghay- atan	Akhlak	<ul style="list-style-type: none"> i. Kelas Pengajian Agama (Akhlak) ii. Penguatkuasaan Peraturan Merit dan Ganjaran) v. Kawad dan perbarisan v. Senamrobik 	<ul style="list-style-type: none"> i. Kelas Pengajian Agama (Akhlak, tasawuf, dakwah) ii. Penguatkuasaan Peraturan Kawad dan perbarisan iv. Senamrobik 	<ul style="list-style-type: none"> • Degil • Kasar • Sering menggunakan bahasa kesat • Tidak berasa malu melakukan kesalahan 	<ul style="list-style-type: none"> • Lebih menjaga tutur kata dan perilaku. • Beradab • Malu untuk berkelakuan tidak baik

Sumber: Temu bual dan Pemerhatian

Berdasarkan Jadual 2, kedua-dua institusi iaitu KDS dan BES menjalankan program pemulihan berdasarkan tiga fasa yang dicadangkan oleh al-Ghazali iaitu Penanaman, Penguatan dan Penghayatan. Proses pemulihan di kedua-dua institusi turut menumpukan kepada empat aspek pembangunan secara khusus iaitu kerohanian, emosi, intelek dan akhlak.

a. Kerohanian

Di KDS dan BES, informan mengakui sebelum memasuki pusat perlindungan, mereka sememangnya telah didedahkan oleh ibu bapa dengan pendidikan agama. Namun, penglibatan dengan kegiatan salah laku adalah berpunca daripada diri sendiri yang tidak menghiraukan aspek dosa dan pahala, tidak malu melakukan maksiat, degil, lalai serta leka. Informan juga mengakui meskipun memiliki latar belakang pendidikan agama serta keluarga yang menekankan tentang ibadah namun mereka sering mengabaikannya meskipun telah ditegur.

“kak.. saya rasa ok..dulu susah sembahyang sampai mak bising, kat sini saya boleh sembahyang tanpa suruh-suruh pun..” (Pelatih 1, KDS, temu bual, 5 Januari 2014)

“Sebelum masuk sini saya solat sekali hingga dua kali sahaja dalam sehari. Kadang-kadang langsung tak buat. Biasa solat waktu Asar dan Maghrib. Erm.. ikut waktu-waktu lah, sebab lupa dan kadang-kadang sebab ada buat benda lain yang meleakakan saya macam layan internet atau keluar” (Pelatih 3, BES, temu bual, 25 Ogos 2014)

Pelatih 3 berkongsi pengalaman berada di BES bukan sahaja mendidik beliau melakukan amalan wajib, tetapi juga amalan sunat yang tidak pernah dipedulikan. Ujar beliau:

“Kat sini memang akan ada qiamullail. Tapi kalau minggu takda pun saya dah terbiasa bangun sendiri dalam pukul 3 pagi” (Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014)

Tambah beliau lagi: “Nak ikutkan macam solat sunat duha saya pernah buat di luar tapi tak sekerap di sini la, adik saya kat luar tu sampai cemburu tengok jadual saya di sini *full* sebab dia memang minat agama pun.” (Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014).

Selain solat, kelas pengajian al-Quran yang dijalankan di KDS dan juga telah membantu pelatih mendekati diri semula dengan al-Quran. Pelatih 3 dan 2 mengakui meskipun pernah mempelajari al-Quran, namun mereka sama sekali tidak menjadikannya sebagai amalan rutin bahkan tidak mengaplikasikannya sebagai bacaan dalam solat memandangkan ibadah tersebut juga jarang ditunaikan.

“Saya tahu je baca Quran sebab mak ayah memang hantar mengaji pun. Tapi mak cakap selalu cakaplah “engkau tak guna puasa dan baca Quran tapi *kantoi* solat tak buat... tapi saya diam je lah sebab memang tak buat pun..” “Saya ada hafal surah lazim, dari darjah 1 hingga 6 memang dihantar kenal al-Quran sebab tu bila masuk menengah mak ayah terkejutlah sikap saya berubah” (Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014).

Pelatih 2 mempunyai pengalaman berbeza: “ya saya kalau takde kelas suka duduk surau..saya nak khatam, saya suka mengaji. Saya tak kisah kalau tak makan pun..saya nak habis kan 30 juzuk ni kak..” (Pelatih 2, KDS, temu bual, 4 Januari 2014)

Begitu juga dengan ibadah puasa, berdasarkan pengakuan pelatih menunjukkan bahawa beliau memahami manfaat daripada ibadah puasa, dengan nada yakin beliau berkongsi: “Hari ni puasa sebab *exam*, nak bagi kawal sikit emosi ni tak nak marah-marah

dan *stress*” (Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014), “Puasa ni bagus kak..saya dah habis ganti semua puasa yang ponteng sebelum ni..rasa tenang jiwa sekarang..” (Pelatih 1, KDS, temu bual, 5 Januari 2014)

Berhubung keperluan zikir, pelatih yang ditemu bual berkongsi sebagaimana berikut:

Menurut Pelatih 1: “sebelum ni jangan harap saya nak duk baca zikir...maaf kak saya tak tahu pun, bila dah masuk sini ada zikir pagi, malam, baca surah-surah tertentu..damai hati saya..jiwa saya lebih tenteram..” (Pelatih 1, KDS, temu bual, 5 Januari 2014).

Pelatih 3 di BES pula berkongsi: “Saya pernah dapatkan kaunseling, dan kaunselor cakap bagus amalkan wirid dan zikir tertentu untuk keselamatan dan pelihara kehormatan diri sebagai wanita ni.. lepas tu saya mintak dari ustazah, alhamdulillah dapat, dia lebih kurang al-Ma'thurat jugakla”. Sambil menitikiskan air mata, pelatih 3 meluahkan kekesalan beliau dengan berkata: “Saya tak salahkan mak ayah dalam hal ni. Saya memang bersalah. Mak ayah dah hantar saya pergi mengaji agama, cuma saya je degil, orang nampak saya macam *happy* tapi dalam hati ni Allah je yang tahu, setiap malam saya menangis kenang dosa saya dan sikap saya dengan mak ayah. Bila kat sini saya asyik terkenang balik pesan-pesan mak saya dulu. Saya malu.” Pelatih mengakui bahawa semenjak berada di BES, beliau sendiri terdetik dan mempunyai kemahuan untuk berubah. Justeru, beliau berharap agar nasihat dan bimbingan dapat diberikan secara berterusan. (Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014, Pelatih 2, KDS, temu bual, 4 Januari 2014).

Ringkasnya, modul pemulihan khusus yang digunakan di kedua-dua institusi telah menjadikan rutin harian pelatih terisi dengan aktiviti bermanfaat. Kebiasaan tersebut secara tidak langsung menjadikan mereka lebih dekat dengan Allah dan mengenal Islam secara lebih dekat. Berdasarkan dapatan di kedua-dua buah institusi, pelbagai kegiatan keagamaan yang dijalankan mampu mendorong pelatih terbiasa dengan persekitaran nasihat menasihati serta tidak lalai dari mengingati Allah. Pendekatan pembiasaan ini dilihat menjadi proses latihan kepada pelatih ke arah pembentukan sikap yang baik. Melalui pembiasaan ini, segala ibadah wajib dan sunat dilihat pastinya memberi ruang kepada pelatih untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Dapatan ini memperlihatkan bahawa pendekatan pembiasaan yang telah diimplementasikan sejajar dengan apa yang disarankan oleh Islam bahawa setiap individu yang sedang dalam proses mendekatkan diri dengan Allah khususnya dalam aspek memperbaiki akhlak perlu melalui aktiviti-aktiviti pembiasaan secara berulang. Al-Ghazali (2010) menyebut sekiranya individu tidak disibukkan dengan hal-hal yang mengingatkan mereka pada Allah nescaya pemikiran dan hati mereka hanya terdorong kepada hal-hal yang melalaikan dan melayan keinginan nafsu yang merosakkan syahwat.

Kajian lepas mendedahkan remaja memilih menghabiskan masa dengan kegiatan tidak bermanfaat di kafe siber berbanding di rumah dengan mengakses laman web pornografi yang membawa kepada aktiviti seksual (Nurul Husna, 2016). Justeru, bentuk dan aktiviti kebiasaan yang diwujudkan di BES dan KDS berupaya memberikan pengalaman bermakna kepada pelatih bagi mengubah kebiasaan buruk mereka dengan menggantikan kebiasaan yang lebih baik. Dalam konteks psikologi, perlakuan ketaatan dalam beragama yang membawa kepada penghayatan tidak akan dapat diwujudkan tanpa melalui pembiasaan dan dilakukan secara berulang-ulang. (Ab. Aziz Mohd. Zin et al, 2010). Justeru, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan pembiasaan ini berpotensi membantu pelatih untuk mengisi masa lapang dengan kegiatan berfaedah yang lebih mendekatkan mereka dengan Tuhan. Situasi ini secara

tidak langsung akan menjauhkan mereka dari berkelakuan dan berfikir tentang perkara yang sia-sia.

b. Akhlak

Secara ringkasnya, KDS dan BES telah mewajibkan pelatih berpakaian sopan dan menutup aurat, larangan menggunakan *gadget* serta jadual keluar masuk pusat perlindungan yang agak ketat (Modul Transformasi Ehsan 1957; Modul KDS). Pematuhan pelatih terhadap peraturan sepanjang berada di kedua-dua institusi telah membantu membentuk sikap, dan disiplin diri. Berdasarkan temu bual, informan mengakui sebelum memasuki KDS dan BES mereka merupakan seorang yang sukar dikawal dan menghabiskan masa bersama rakan berlainan jantina. Walau bagaimanapun, mereka mengakui rasa lebih selamat dan terlindung semenjak menghuni institusi tersebut meskipun padat dengan aktiviti. (Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014, Pelatih 1, KDS, temu bual, 5 Januari 2014). Selain itu, penyalahgunaan penggunaan teknologi memberi kesan terhadap kehidupan mereka sehingga leka untuk melaksanakan solat dan mula terlibat dengan pergaulan bebas. (Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014, Pelatih 2, KDS, temu bual, 4 Januari 2014).

Di samping itu, pendekatan denda dan hukuman yang telah dijalankan di kedua-dua institusi diakui turut memberikan kebaikan kepada diri mereka, (Pelatih 4, BES, temu bual, 25 Ogos 2014 dan Pelatih 2, KDS, temu bual, 4 Januari 2014). Berdasarkan perkongsian pelatih sebelum menghuni KDS dan BES, mereka sememangnya tidak menitikberatkan aspek kewajipan menutup aurat meskipun telah diingatkan oleh ibu bapa. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan pengakuan berikut:

“Sebelum ni pakai tudung *on off*, pakai ikut mood, mak tanya bila nak *start* bertudung, tapi saya cakap nantilah” (Pelatih 3, BES, temu bual, 25 Ogos 2014)

“oh..saya tak suka pakai tudung..benci..panas..rimas..sekarang dah biasa dan faham kena tutup aurat rambut kita ni..” (Pelatih 1, KDS, temu bual, 5 Januari 2014)

Sebagaimana yang telah dibincangkan, usaha memperbaiki akhlak boleh dilakukan dengan mengubah kebiasaan dan konsisten melakukan kebaikan (Ibn Hazm, 1978). Hal ini kerana, akhlak boleh dipelajari dan berubah-ubah berdasarkan dua faktor iaitu keturunan dan persekitaran (Hasan Langgulung, 1991). Persekitaran merupakan faktor penting yang membantu menghayati nilai-nilai akhlak, di samping pengisian hati dengan zikrullah dan membiasakan bentuk ibadah seperti yang telah dibincangkan di atas. Ini akan mendidik diri dengan perasaan malu dan takut untuk melakukan perkara keji seterusnya membantu remaja mengawal diri mereka (Nasih ‘Ulwan, 1976). Berdasarkan perkongsian pelatih, secara jelas menunjukkan pengalaman berada dalam persekitaran di kedua-dua institusi yang dibiasakan dengan aktiviti bermanfaat berupaya membentuk tingkah laku mereka menjadi lebih baik dari sebelumnya. Hal ini menunjukkan modul yang digunakan oleh KDS dan BES selaras dengan saranan Islam.

c. Emosi

Kajian mendapati kedua-dua institusi membantu pelatih menjalani kehidupan yang lebih terurus dan tenang. Di BES, pelatih 3 mengakui agak sukar menyesuaikan diri pada peringkat awal, namun berjaya diatasi (Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014). Manakala di KDS pula

pelatih 1 mampu mengawal emosinya dengan baik dengan bermuhasabah diri, sabar dan lebih tenang apabila berhadapan dengan satu kesukaran (Pelatih 1, temu bual, 5 Januari 2014).

Pengisian di BES dan KDS menjadikan pelatih lebih faham dengan hakikat kehidupan, mula berlapang dada, reda dan optimis bahawa setiap apa yang berlaku adalah ketentuan Tuhan. Justeru, apa yang mereka boleh lakukan adalah menginsafi kesilapan diri dan lakukan perubahan menjadi insan yang lebih baik. Ini diakui oleh pelatih 4, BES dan pelatih 1, KDS yang berlapang dada dan menerima takdir yang ditentukan. (Pelatih 4, BES, temu bual, 25 Ogos 2014, Pelatih 1, temu bual, 5 Januari 2014).

Berdasarkan pengakuan yang dikongsi pelatih, ternyata pengalaman mengikuti rutin harian secara seimbang antara tuntutan duniawi dan ukhrawi sepanjang berada di KDS dan BES telah berupaya membantu pelatih dalam perjalanan emosi mereka dari keadaan yang penuh dengan konflik dan kecelaruan menjadi lebih tenang dan stabil.

Keupayaan individu mengenal pasti tahap kecerdasan emosi mampu meningkatkan pencapaian dan berupaya membawa individu ke tahap yang lebih baik. Ini disebabkan gangguan dan ketegangan emosi yang berterusan mempengaruhi tingkah laku, sikap, kebolehan dan keadaan psikologi seseorang (Alifah Saring, 2012.) Perkembangan emosi dipengaruhi oleh ibu bapa, persekitaran rakan sebaya, sekolah, guru, media massa, *gadjet*, teknologi maklumat serta idola seseorang. Kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti anak-anak penting dalam membantu perkembangan sosio-emosi mereka (Zakaria, Ahmad Munawar & Noranizah, 2012). Justeru, emosi yang baik mempengaruhi semangat dan perasaan remaja atau individu bersama mereka yang berada di sekelilingnya (Nor Yuzie, Rosini & Aida Suraya, 2014). Kajian psikologi menunjukkan kecerdasan emosi (EQ) menjadi asas kepada individu dalam kerjaya berbanding kecerdasan intelek (IQ). Namun, keupayaan individu menggunakan EQ dan IQ tersebut dengan berkesan adalah penting dalam menentukan kemampuannya menyesuaikan diri apabila berhadapan dengan sebarang ujian serta rintangan dalam hidupnya (Mohd Azhar, 2004). Aspek emosi harus diberi penekanan khusus dalam diri individu kerana ia dapat memberi kesejahteraan kepada semua lapisan ahli masyarakat bermula dari kanak-kanak, remaja sehinggalah dewasa. Ini disebabkan kekuatan individu menghadapi semua cabaran dalam kehidupan datang daripada kekuatan emosi yang mengawal tekanan yang berlaku pada diri sehingga mampu menyesuaikan diri dengan keadaan yang berlaku (Suzyliana, 2016). Sehubungan itu, pembangunan emosi yang diterapkan oleh BES dan KDS ini dilihat berupaya membentuk kecerdasan emosi pelatih-pelatih serta menjadi asas kepada pembentukan tingkah laku yang lebih baik.

d. Intelek

Kajian menunjukkan kedua-dua institusi memberikan pengalaman kepada pelatih dalam konteks pembangunan intelek melalui penerokaan ilmu pengetahuan serta pembangunan kemahiran dan potensi diri. Berdasarkan Jadual 1, KDS dan BES dikenal pasti menyediakan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara formal dan informal bagi membantu pelatih meningkatkan pengetahuan. Pelbagai kemudahan, aktiviti dan juga kelas pembangunan kemahiran seperti memasak, menjahit, membuat kraf tangan, berkebun dan sebagainya telah membantu pelatih mengasah potensi dan kemahiran yang ada pada diri mereka. Berdasarkan laporan dari institusi, pelatih sememangnya terdiri dari kelompok remaja yang telah tercicir dari alam persekolahan serta kurang menekankan tentang pendidikan. Kajian

mendapati, pengalaman tersebut juga telah mendorong pelatih lebih optimis dalam merancang pendidikan mereka setelah meninggalkan institusi kelak.

“Insha Allah lepasni saya nak sambung belajar dan dapatkan kerja yang bagus untuk ubah kehidupan, tolong keluarga saya” (Pelatih 3, BES, temu bual, 25 Ogos 2014)

“Saya nak buka kedai jahit bila dah keluar. Saya ni tingkatan 3 pun tak habis.. duk sini 2 tahun. Kalau dapat ambil SPM lagi bagus. (Pelatih 2, KDS, temu bual, 4 Januari 2014).

Intelek ialah gaya dan amalan berfikir yang betul serta berpandukan syariat mampu membawa manusia kepada Allah SWT. Namun, gaya berfikir yang tidak menepati syarak akan membawa kepada kecelaruan tindakan yang memberi kesan buruk kepada keharmonian sosial sejagat (Mohd Nasir, Muhammad Azizan & Mohd Marbawi, 2014). Ini ditegaskan dalam Surah Sad (38) ayat 26 yang meminta manusia tidak mengutamakan nafsu apabila membuat keputusan. Berfikir yang berlandaskan syariat mampu memberi kesan kepada jiwa (Abd Rahman, 2017). Selain itu, daya intelek yang dimiliki oleh manusia berupaya untuk menilai atau memilih sesuatu perkara melalui timbangan yang dimiliki oleh akal fikiran. Hal ini membuktikan bahawa manusia sentiasa terdorong untuk mencari kebenaran sehingga mereka dapat mencapai hakikat keyakinan terhadap sesuatu kebenaran (Muhammad Rashidi & Mohd Faizul, 2013). Manusia yang diberikan akal untuk berfikir dan kudrat yang dianugerahkan oleh Allah SWT bertanggungjawab menentukan kemajuan mereka dengan berusaha mencorakkan masa depan mereka sendiri (Wan Hashim, 1997) sehingga manusia mampu membina sebuah peradaban agung (Norazlan & Aiza, 2014) hasil daripada intelek yang mematuhi syariat dan wahyu. Penekanan intelek di dua buah institusi ini ditekankan kepada mengubah cara berfikir dengan memberi ilmu secara formal dan tidak formal kepada pelatih. Melalui ilmu pengetahuan yang diberikan dilihat berupaya menambahkan ilmu mereka serta mampu membeza dan membuat perbandingan sebelum melakukan tindakan dalam kehidupan seharian. Berdasarkan pengalaman yang dikongsi pelatih, ternyata KDS dan BES telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik selari dengan konsep pemulihan yang menekankan tentang kepentingan pendidikan bagi tujuan pemulihan akhlak.

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian mendapati kewujudan institusi pemulihan pada hari ini khususnya di Malaysia dilihat memberikan peluang dan ruang yang terbaik bagi individu yang pernah terjebak dengan masalah sosial untuk memperbaiki diri.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian secara jelas menunjukkan bahawa proses pemulihan di kedua-dua institusi telah memberikan pengalaman baru yang lebih bermakna kepada pelatih. Pengalaman yang dilalui telah menjadikan kehidupan pelatih berubah dari keadaan yang kurang baik kepada keadaan yang lebih baik dari semasa ke semasa. Aspek pembangunan diri pelatih juga semakin positif dan berkembang secara seimbang merangkumi kerohanian, intelektual, emosi dan akhlak. Ringkasnya, kedua-dua institusi telah menyediakan pelatih dengan pengalaman yang bukan sahaja sarat dengan ilmu malah pengajaran. Pengalaman di KDS dan BES juga telah berupaya membantu memulihkan semangat dan keyakinan diri mereka untuk kembali ke dalam

masyarakat. Justeru, pelatih menjadi lebih optimis dan bersedia untuk terus berusaha memperbaiki diri menjadi insan yang lebih baik. Maka, proses pemulihan seumpama ini wajar diteruskan dengan membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa. Hal ini kerana, proses pemulihan bukan sahaja dapat membantu pelatih mengenal pasti kelemahan diri, tetapi memanfaatkan kekuatan yang ada pada diri untuk kebaikan masyarakat.

Bibliografi

- Ab. Aziz Mohd Zin, Siti Jamiaah Ab Jalil, Nor Raudah Siren & Juwairiah Hassan. (2020). *Psikologi dalam Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Yusof. (2012). *Pembangunan Holistik Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Rahman Tajudin. (2017). Kedudukan Dan Peranan Akal Di Sisi Ahli Tasawuf. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 4(1), 76-81.
- Abdul Halim El-Muhammady. (1991). *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*, Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam untuk Angkatan Belia Islam Malaysia
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1988). *Minhaj al- 'Arifin*, Kaherah: Matba'ah al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1993). *Ayyuha al-Walad*. Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (2003). *Kitab al-Arba'in fi Usul al-Din fi al- 'Aqaid wa Asrar al- 'Ibadat wa al-Akhlaq*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (2010). *Ihya' 'Ulum al-Din'*, Tahqiq 'Ali Muhammad Mustafa dan Sa'id al-Muhasini, Juz. 2, Dimasyq: Dar al-Fayha'.
- Alifah Saring. (2012). *Hubungan Kecerdasan Emosi dan Gaya Pembelajaran Dengan Prestasi Akademik Pelajar UTHM*. (Disertasi Ijazah Sarjana). Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn.
- Al-Mawdudi, Abu A'la'. (1977). *Mabadi' al-Islam*, t.tp: al-Maktabah al-Islami.
- Al-Midani, 'Abd al-Rahman Hassan Habannakah. (1999). *Al-akhlaq Al-Islamiyyah wa Asusuha*, cet. 5, Juz. 1. Jeddah: Dar al-Bashir.
- Al-Nahwiy A. 1991. *Al-Mu'jam al- 'Arabiyy al-Muyassar*, Tunisia: Larus.
- Al-Zarqani, Muhammad Abdul Azim. (1971). *Manahil Al-Irfan fi 'Ulum Al-Qur'an*, Lubnan: Dar Al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Azmawaty Mohamad Nor, Melati Sumari dan Shanina Sharatol Ahmad Shah. (2013). "Adolescent With an Unwanted Pregnancy: An Experience," *Counseling, Psychotherapy and Health* 8 (2013), 8-21.
- Hasan Langgulung (1991), *Asas-asas Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka .

- Ibn Hazm. (1978). *al-Akhlaq wa al-Siyar fi Mudawat al-Nufus*, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Ibn Manzur. (1990). *Lisan al- 'Arab*, Vol. 2, Beirut: Dar Sader.
- Ismail Alias. (2006), Pembentukan Minda Kelas Pertama Berdasar Perspektif Psikologi (Kognitif). *Jurnal Pengurusan Awam*. Disember 2006. 45-64.
- Khairani Omar, Suriati Hasim, Noor Azimah Muhammad, Aida Jaffar, Syahnaz Mohd Hashim, & Harlina Halizah Siraj. (2010) "Adolescent Pregnancy Outcomes and Risk Factors in Malaysia." *International Journal of Gynecology and Obstetrics 111*, 220-223.
- Khairul Hamimah Mohamad Jodi. (2013). Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Modul Pembangunan Wanita Bermasalah di Malaysia: Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Tesis Kedoktoran). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (2009), *Laporan Tahunan Dar Assaadah MAIWP 2009*.
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (t.t), *Silibus Dar Assaadah, kelas Agama (Tahap satu, dua dan tiga)*, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*. Dlm. Salih bin 'Abd al-Aziz Al al-Shaykh (Eds). Riyadh: Dar al-Salam.
- Miskawayh, Abu Ali Ahmad Ibn Muhammad (t.t), *Tahdhib al-Akhlaq wa Tathir al-A'raq*, Beirut: Mansyurat Dar Maktabah al-Hayat.
- Mohd Azhar Yahaya. (2004). Kompetensi Kecerdasan Emosi dan Kesannya Terhadap Keberkesanan Organisasi, *Jurnal Pengurusan Awam*. Jilid 3 Bilangan 1, Januari, 21-26.
- Mohd Nasir Ayub, Muhammad Azizan Sabjan & Mohd Marbawi Taha. (2014). "Amalan Berfikir Dalam Islam Dan Hubungannya Dengan Ilmu Dan Pendidikan". *Proseding Seminar School of Social Sciences*, Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Nasir Ripin & Nur Izzatul Afifah Che Ab. Rahim 9, 2010), *Metode Pembinaan Akhlak Menurut Ibn Hazm dalam Kitab Al-Akhlaq Wa As-Siyar*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Rashidi & Mohd Faizul. (2013). Kedudukan Akal dalam Pendalilan Akidah. *Jurnal Teknologi 63*(1), 31-39.
- Muhammad Syukri Salleh. (2007). Prinsip-Prinsip Pembangunan berteraskan Islam, dalam Muhammad Hisyam Mohamad (Ed.). *Pembangunan dari Perspektif Islam*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Muhammad Zaid Ismail et. al. (2017). Islah and Tajdid: The Approach to Rebuilding Islamic Civilizations". *International Journal of Academic Research in Bussiness and Social Sciences 7*(8), 183-196.
- Nabih Abdul Rahman. (1990). *Manusia dalam Tiga Dimensi, Al-Insan: Al-Ruh wa Al- 'Aql wa Al-Nafs* (terj.), Trans. Tajuddin, Arau: Pustaka Islamiyah.
- Nasih 'Ulwan, Abdullah. (1976). *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam*, Juz. 2. Kaherah: Dar al-Salam.

- Noor Ani Ahmad, Umi Adzlin Silim, Azriman Rosman, Majdah Mohamed, Ying Ying Chan, Noraida Mohd Kasim, Muslimah Yusof, Mohamad Aznuddin Abd Razak, Maisarah Omar, Fazly Azry Abdul Aziz, Rasidah Jamaluddin, Fatanah Ismail, Nurashikin Ibrahim & Tahir Aris. (2018). Postnatal depression and intimate partner violence: a nationwide clinicbased cross-sectional study in Malaysia. *BMJ Open* 8 (5), 1-9.
- Noor Hafizah Mohd Haridi & Fakhru Adabi Abd. Kadir. Program Agama di Institut Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Malaysia: Analisis Persepsi Pelatih Terhadap Pelaksanaan. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(1), 87-100.
- Nor Jana Saim & Fatimah Abdullah. (2010). Ibu Tanpa Nikah : Faktor dan Kaedah Kendalian. *The Malaysian Journal of Social Administration* 7-8 (2010/2011), 89-102.
- Nor Jana Saim. (2013). Social Support, Coping, Resilience and Mental Health in Malaysian Unwed Young Pregnant Women and Young Mothers Their Experiences While Living in a Shelter Home. (Tesis kedoktoran). Sweden: Umeå University.
- Nor Yuzie Yusuf, Rosini Abu & Aida Suraya Md Yunus. (2014). Tingkah Laku, Emosi dan Kognitif Murid Sebagai Faktor Peramal Pencapaian Akademik. *Journal of Human Capital Development* 7(1) (January-June), 1-18.
- Norahida Mohamed & Mohamad Zaidin Mat@Mohamad. (2017). Islah Sebagai Pendekatan Pembangunan Masyarakat: Kajian Terhadap Pemikiran Muhammad Rashid Rida. *Jurnal Sains Insani* 2(2), 98-105.
- Norazlan Hadi Yaacob & Aiza Maslan @ Baharudin. (2014). Manusia dan Perkembangan Peradaban: Beberapa Aspek Pemikiran Malek Bennabi dan Ali Syariati. *Journal of Human Capital Development* 7 (1) (January-June), 83-97.
- Nurul Azmi. (2015). Potensi Emosi Remaja dan Pengembangannya. *Jurnal Pendidikan Sosial* 2(1) (Jun) 36-46.
- Nurul Husna Mansor. (2016). *Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah* (Tesis kedoktoran), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Prochaska, J O, John C. Norcross dan Carlo C. Diclemente (2013). Applying the Stages of Change 19(2). *Psychotherapy in Australia*, 10-15.
- Ravi A/L Nagarathanam. (2015). Hubungan Sikap, Pemikiran Dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Prasiswazah India Di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Bangi. (Disertasi Sarjana). Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rokiah Ahmad. (2007). *Pendidikan Seks Mengikut Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Seyyed Hossein Nasr. (1994). *A Young Muslim's Guide to the Modern World*, Petaling Jaya: Mekar Publishers.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah, Noralina Omar, Abd Hadi Zakaria & Haris Abd. Wahab. (2012). Intervensi Sosial Untuk Komuniti Tersisih: Ke Arah Pembangunan Ummah. *Jurnal Hadhari* 4(2), 29-44.

- Su Xu Vin, Noor Azimah Muhammad, Tan Pei Sun, Kevin Tan, Hizlinda Tohid & Khairani Omar. (2014). Physical and Psychosocial Impacts of Pregnancy on Adolescents and Their Coping Strategies: A Descriptive Study in Kuala Lumpur, Malaysia. *Malaysian Journal of Public Health Medicine* 14 (3), 71-80.
- Suzyliana Mamat. (2016). Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Remaja di Kolej Universiti Islam Melaka. *Journal of Social Science* 1, 115-136.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2002). *Ma'na Kebahagiaan dan Pengalamannya dalam Islam*, (terj.) Muhammad Zainiy Uthman, Kuala Lumpur: ISTAC.
- Wan Hashim Wan Teh. (1997). Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun Abad Kedua Puluh Satu. Dalam Ismail Hussein et al. (ed.). *Tamadun Melayu Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusuf al-Qaradawi. (2009). *Fiqh al-Jihad: Dirasah Muqaranah li Ahkamihi wa Falsafatihi fi Daw'i al-Qur'an wa al-Sunnah*, Juz. 1, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, Noranizah Yusuf, (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155-17.